

Headline **Pengambilan SL1M bermula Julai**
Date **02 Jun 2011**
MediaTitle **Utusan Malaysia**
Section **Dlm Negeri**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **197,952 / 833,287**

Language **Malay**
Page No **27**
Article Size **264 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **5,218**
PRValue **15,654**



Latih graduan menganggur selama 12 bulan di GLC

Pengambilan SL1M bermula Julai

Oleh **NORLIZA ABD. RAHMAN**
dan **THOMAS CHONG**
pengarang@utusan.com.my

PUTRAJAYA 1 Jun - Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini akan memulakan pengambilan 3,000 graduan mulai Julai ini bagi fasa pertama.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop berkata, latihan untuk kumpulan kedua melibatkan 5,000 graduan pula dijadualkan pada September ini.

"Kumpulan kedua tidak terhad kepada syarikat milik kerajaan (GLC) tetapi turut melibatkan syarikat korporat yang besar. Iklan pengambilan akan dikeluarkan dalam masa terdekat," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis pelancaran SL1M di Bangunan Perdana Putra, di sini hari ini.


SL1M dilancarkan untuk membolehkan graduan yang gagal mendapat pekerjaan dalam tempoh enam bulan selepas tamat pengajian menerima latihan selama 12 bulan di GLC.

Antara 25 syarikat yang menyertai program ini adalah seperti Affin Bank Berhad, Axiata Group Berhad, Bank Negara, Malayan Banking Berhad, Malaysia Airports Holdings Berhad, Telekom Malaysia Berhad dan Tenaga Nasional Berhad.

Borang permohonan boleh didapati dengan melayari laman web GLC yang mengambil bahagian.

Mengulas tentang kadar pengangguran, Nor Mohamed berkata, kadar tersebut berada di dalam lingkungan tiga peratus dan tidak menjadi isu besar kepada negara.

"Dalam definisi ekonomi, kadar pengangguran sebanyak tiga peratus bermakna tiada masalah pengangguran yang berlaku," katanya.

 SL1M dilancarkan untuk membolehkan graduan yang gagal mendapat pekerjaan dalam tempoh enam bulan selepas tamat pengajian menerima latihan selama 12 bulan di GLC.

NOR MOHAMED YAKCOP
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

GLC/ Organisasi yang terlibat dengan SL1M

1. Affin Bank Berhad
2. Amanah Raya Berhad
3. Axiata Group Berhad
4. Bank Negara Malaysia
5. Bank Pembangunan Malaysia Berhad
6. Bousted Holdings Berhad
7. Chemical Company of Malaysia Berhad
8. CIMB Group Berhad
9. Khazanah Nasional Berhad
10. Lembaga Tabung Haji
11. Malayan Banking Berhad
12. Malaysia Airports Holdings Berhad
13. Malaysia Building Society Berhad
14. Malaysian Airlines System Berhad
15. Malaysian Resources Corporation Berhad
16. MIMOS Berhad
17. Perbadanan Nasional Berhad
18. Permodalan Nasional Berhad
19. Petroliam Nasional Berhad
20. Sime Darby Berhad
21. SIRIM Berhad
22. Telekom Malaysia Berhad
23. Tenaga Nasional Berhad
24. UDA Holdings Berhad
25. UEM Group Berhad
26. UMW Holdings Berhad